



BARISAN NASIONAL MALAYSIA **(National Front Malaysia)**

SETIAUSAHA AGUNG
(Secretary General)

KENYATAAN MEDIA **SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL**

Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada 5 Februari 2024 membincangkan dan bersetuju beberapa perkara penting berkait rapat perkembangan semasa negara iaitu :

1. Barisan Nasional dengan takzimnya merafak sembah tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar yang telah dimasyhurkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII. Semoga pemerintahan Ke Bawah Duli Tuanku akan membawa Malaysia ke arah lebih makmur dan sejahtera.
2. Barisan Nasional turut menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang telah menyempurnakan tempoh pemerintahan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI.
3. Dewan Tertinggi Barisan Nasional menghormati keputusan Lembaga Pengampunan selaras Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa sama, Dewan Tertinggi mendukung segala langkah yang bakal diambil selaras dengan lunas undang-undang seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
4. Sempena Ulangtahun Jubli Emas Barisan Nasional yang ke-50, Dewan Tertinggi Barisan Nasional bersetuju sebuah Jawatankuasa Khas dibentuk menyelaras semua program-program Sempena Ulangtahun Ke-50 Barisan Nasional yang bakal disambut pada bulan Jun 2024.
5. Mesyuarat Dewan Tertinggi juga bersetuju pada :-
 - 5.1 Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Barisan Nasional Negeri Terengganu – Dato' Haji Rozi bin Mamat
 - 5.2 Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Barisan Nasional Negeri Johor – Dato' Onn Hafiz Ghazi
 - 5.3 Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Bahagian-bahagian berdasarkan fasal 24(A).

DR ZAMBRY ABD KADIR
SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL
5 FEBRUARI 2024
(KM/1/2024)

Alamat surat-menyurat : Setiausaha Agung Barisan Nasional, Peti Surat 10249, 50708 Kuala Lumpur
Suite 1 & 2, Aras 8, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2692 0384, 03-2698 4895, 03-4045 1071 & 03-4045 1072 Fax : 03-2693 4743 & 03-4045 1075